

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3 /12/ 2010

Bangunan baru kedutaan kita di Kemboja dirasmii

UM 3-12-2010
PHNOM PENH 2 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pembukaan bangunan baru kedutaan sebagai bukti Malaysia komited mengukuhkan hubungan dengan Kemboja.

Menurutnya, hubungan kedua-dua negara terus berkembang dan semakin kukuh terutama dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan, pembinaan kapasiti dan kerjasama teknikal.

"Saya berharap dengan siap projek ini, ia akan menjadi pemangkin untuk membawa hubungan dua hala ke tahap lebih tinggi.

"Majlis Perniagaan Malaysia-Kemboja diharap memainkan peranan lebih aktif sebagai pemangkin dalam usaha ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan bangunan itu yang dibina dengan kos RM87 juta di Norodom Boulevard di sini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Mohd. Radzi Abdul Rahman; dan Duta Malaysia ke Kemboja, Datuk Pengiran Mohd. Hussein Pengiran Mohd. Tahir Nasruddin.

Bangunan itu mengandungi empat blok termasuk pejabat diplomatik, dewan serbaguna, kediaman duta besar yang dikenali sebagai Rumah Malaysia dan kuarters pegawai serta kakitangan.

Rosmah kemudian diberi penghormatan merasmikan Bilik Perwakilan di tingkat bawah kuarters kediaman di dalam kompleks kedutaan tersebut.

Najib berkata, sebagai Menteri Kewangan beliau gembira kerana projek pembinaan kompleks kedutaan itu siap mengikut jadual dan mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan. - UTUSAN